

Aplikasi Perjanjian Persefahaman Perniagaan dalam Talian (*AppGree*)

Muhamad Hanif Aiman Zamri
Rohizah Abd Rahman

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Situasi pandemik Covid-19 ketika ini telah memaksa ramai peniaga beralih arah ke platform secara dalam talian bagi meneruskan perniagaan. Namun, terdapat penipuan yang sering berlaku jika perniagaan dalam talian ini tidak diuruskan di platform yang baik dan akan menimbulkan masalah seperti pihak pembekal atau peniaga yang melengahkan penghantaran produk dan tidak menghantar produk walaupun pembeli telah membayar harga penuh. Selain itu, kehadiran pembeli berpotensi yang ingin membeli produk dengan membayar secara berkala tidak dapat diteruskan kerana tiada jaminan bahawa pembeli itu akan membayar produk tersebut sepenuhnya menyebabkan peniaga kecil akan kehilangan pelanggan mereka. Maka, sebuah aplikasi telah dibangunkan bagi menyelesaikan permasalahan ini iaitu Aplikasi Perjanjian Persefahaman Perniagaan Dalam Talian yang dapat memberi jaminan terhadap peniaga kecil bagi mengelakkan kes penipuan semasa berurusan. Aplikasi ini turut dapat digunakan oleh orang awam yang ingin membeli barang secara penghantaran pos terutama sekali ketika membeli barangan terpakai. Kontrak secara digital dapat dibentuk di antara pihak peniaga dan pembeli dan digunakan dalam pelbagai situasi seperti pembelian dengan pembayaran berkala sesuai untuk peniaga kecil serta dapat juga digunakan bagi mencipta waranti persendirian jika digunakan untuk urusan pembelian barangan terpakai. Maklumat perjanjian seperti cara pembayaran, penghantaran produk, tarikh akhir penghantaran, waranti dan denda yang dipersetujui akan direkodkan dan disimpan di dalam sebuah pangkalan data. Kontrak digital ini akan diselaraskan dengan undang-undang berkaitan kontrak seperti Akta Kontrak 1950 dan Akta Jualan barangan 1957. Aplikasi ini dibangunkan menggunakan perisian Android Studio dengan bahasa pengaturcaraan Java serta pangkalan data Firebase dan metodologi *Agile* digunakan agar aplikasi ini dapat ditambah baik sepanjang tempoh pembangunan.

1. PENGENALAN

Kontrak jual beli merupakan perkara asas yang meluas dan sering dilakukan oleh masyarakat dan ianya merupakan urusan kritikal kerana melibatkan perjanjian jual beli dan juga pertukaran produk dan wang. Walaupun urusan jual beli hanya melibatkan pembelian makanan di gerai tepi jalan, kontrak masih terbentuk dan terikat kepada Akta Kontrak 1950 (Muhammad Fathi Bin Yusof 2016). Kontrak membawa maksud perjanjian bersama pihak yang berjanji dan pihak yang menerima janji dan perjanjian ini hendaklah dilaksanakan sehingga kontrak selesai dan pihak yang terlibat di dalam perjanjian ini mempunyai hak untuk menyelesaikan kontrak tersebut di mahkamah (Muhammad Fathi Bin Yusof 2016). Kontrak yang dijalankan dalam situasi jual beli melibatkan persetujuan pembeli untuk memiliki sesebuah produk dengan menukarnya dengan nilai wang yang dipersetujui. Produk yang dipasarkan hendaklah bertepatan dengan apa yang diiklankan bagi menjaga kebajikan pengguna di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, 2020).

Situasi jual beli juga boleh bertukar kepada situasi penipuan seperti pihak pembeli yang menyediakan resit perbankan dalam talian yang palsu kepada penjual ataupun penjual yang tidak menghantar produk kepada pembeli walaupun pembeli telah membuat pembayaran penuh. Hal ini terjadi kerana urusan jual beli yang dijalankan di dalam talian tidak dijalankan di platform yang baik. Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melihat peningkatan terhadap urusan jual beli di dalam talian dan setakat April 2020, sebanyak 556 laporan polis telah direkodkan dan melibatkan kerugian keseluruhan sebanyak RM4.2 juta berkaitan dengan penipuan jualan topeng muka (Fareez 2020). Sebelum ini juga, kejadian penipuan ini sering berlaku terhadap peniaga kecil yang ditipu oleh pihak pembekal serta ada juga penipuan melibatkan masyarakat yang membeli barangan terpakai.

Aplikasi Perjanjian Persefahaman Perniagaan dalam Talian ini membolehkan pengguna untuk melakukan urusan jual beli dengan selamat tanpa risau akan risiko untuk ditipu. Kontrak digital akan dibentuk di antara pihak penjual dan pembeli bagi memelihara kebajikan kedua-dua pihak dan kontrak bakal dilindungi di bawah Akta Kontrak 1950 (Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia 2006). Data pengguna akan dijaga rapi bagi mengelakkan risiko kecurian identiti dan juga boleh digunakan untuk memudahkan urusan mendapatkan ganti rugi jika terdapat pihak yang melanggar perjanjian kontrak.

2. PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan yang sering timbul hasil daripada urusan jual beli di dalam talian ialah dalam bentuk penipuan penghantaran produk pembelian. Antara contoh penipuan tersebut adalah apabila suatu pihak yang menipu dengan cara tidak menghantar produk yang telah dibayar kepada pembeli dan dapat dilihat dari kes penipuan penutup muka ketika pandemik Covid-19 ketika ini. Perkara ini telah berlaku lama di dalam urusan perniagaan dan mendatangkan kerugian kepada pihak pembeli. Hal ini terjadi apabila pembeli membeli barangan di suatu platform yang tidak mempunyai jaminan keselamatan terhadap pembeli seperti Mudah.my yang hanya merupakan platform pengiklanan. Oleh itu, penipu dengan mudah dapat memperdaya pembeli dan pembeli pula sukar untuk mengesan penjual kerana kekurangan maklumat.

Selain penipuan dalam bentuk pertama di atas, bentuk lain penipuan yang kedua adalah apabila barangan yang dijual tidak seperti yang diiklankan. Produk tersebut mungkin terdapat kerosakan yang tidak dapat dilihat dari luaran dan perkara ini tidak dimaklumkan oleh penjual kepada pembeli. Perkara ini sering terjadi dalam urusan jual beli barangan terpakai yang memberikan kemudahan terhadap pembeli. Barangan terpakai tersebut mungkin sudah kehabisan waranti mengakibatkan pembeli tidak dapat menghantar barangan untuk dibaiki menggunakan waranti. Maka pembeli terpaksa mengeluarkan kos tambahan bagi membaiki barangan tersebut. Waranti persendirian perlu dibentuk oleh pihak penjual barangan terpakai bagi menjamin mutu barangan jualan dan keselamatan pembeli barangan terpakai.

Tambahan pula isu penjual kecil yang kadang kala menaikkan harga jualan walaupun telah bersetuju dengan suatu jumlah tetap sebelumnya membuatkan pembeli sukar mendapatkan kepastian harga jualan. Belum diambil kira isu penjual yang membatalkan urusan jual beli kerana terdapat pembeli lain yang sanggup membayar dengan harga yang lebih tinggi.

Oleh itu, aplikasi yang dicadangkan ini diharap dapat mengurangkan kemungkinan untuk ditipu di dalam talian. Kes penipuan ini jika tidak ditangani akan membuatkan pembeli hilang kepercayaan untuk berbelanja dalam talian serta mengurangkan punca pendapatan negara di samping melemahkan pembangunan ekonomi negara (Mohd Fahmy 2020).


3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif pembangunan aplikasi ini ialah:

- a) Menjaga keselamatan pembeli yang berurusan secara dalam talian.
- b) Mengurangkan isu penipuan dalam talian berkaitan urusan jual beli.
- c) Menjadikan aplikasi ini sebagai aplikasi yang mudah digunakan agar perniagaan dapat mencapai target pembeli yang meluas.

4. METOD KAJIAN

Kajian penghasilan aplikasi ini menggunakan metodologi *Agile* di Rajah 1 kerana metodologi ini mempunyai proses pengujian yang berulang pada akhir satu sesi bagi memastikan kelancaran aplikasi tersebut sebelum masuk ke sesi seterusnya bagi menambah baik lagi aplikasi dan mengembangkan fungsi secara berperingkat dengan penglibatan pengguna dan pembina aplikasi (Isaac 2020). Setiap kali fungsi berjaya dibangunkan, fungsi tersebut akan diuji dan sekiranya terdapat ralat yang ditemui, produk akan kembali melalui proses pembangunan semula.



Rajah 1 Metodologi *Agile*

4.1 Fasa Perancangan

Pada fasa ini, perancangan awal dilakukan dengan menyatakan pernyataan masalah, objektif, skop kajian dan juga cadangan penyelesaian. Jadual gerak kerja turut disertakan agar perjalanan pembangunan aplikasi tidak tertangguh dan dapat disiapkan dalam tempoh 28 minggu. Kajian lepas turut dijadikan rujukan agar dapat digunakan dalam pembangunan aplikasi ini. Pemilihan skop kajian seterusnya dikaji dengan lebih mendalam bagi mengenal pasti permasalahan yang ingin diatasi.

4.2 Fasa Analisis

Maklumat hasil dari kajian awal digunakan dan dianalisis di fasa ini. Aplikasi *AppGree* ini dapat menyelesaikan masalah yang berlaku dalam urusan perniagaan dengan adanya fungsi yang diperkenalkan. Konsep penggunaan aplikasi turut dikaji di fasa ini bagi memudahkan navigasi pengguna berdasarkan keperluan fungsian pengguna.

4.3 Fasa Reka Bentuk

Fungsi aplikasi *AppGree* dibangunkan bagi memenuhi objektif pembangunan yang dapat membantu pengguna dalam urusan jual beli. Pangkalan data turut dirancang bagi menyimpan maklumat pengguna. Fasa ini mengambil masa yang lama memandangkan setiap fungsi yang dibangunkan perlu diuji bagi memastikan fungsi tersebut berjalan dengan baik. Penggunaan Android Studio bagi menghasilkan kod atur cara serta Firebase sebagai pangkalan data serta maklumat analisis keperluan fungsian pengguna merupakan perkara penting bagi menjalankan fasa ini.


4.4 Fasa Pengujian

Hasil produk akhir aplikasi telah menjalani fasa pengujian di mana dua kaedah pengujian iaitu kaedah pengujian kotak hitam dan kaedah pengujian kotak putih telah digunakan. Hal ini bagi memastikan fungsi yang disediakan dapat berfungsi dengan baik bagi memenuhi keperluan pengguna. Sekiranya terdapat ralat semasa fasa pengujian, fungsi yang diuji akan menjalani fasa reka bentuk semula agar kod atur cara dapat diteliti semula. Kaedah pengujian kotak hitam

berfokuskan kebolehgunaan aplikasi telah dijalankan oleh pakar bagi memastikan fasa pengujian dijalankan dengan telus.

5 HASIL KAJIAN

Hasil daripada fasa pembangunan yang sudah menjalani fasa pengujian dan diterima untuk diguna oleh pengguna dibincangkan dalam bahagian ini. Antara muka penting seperti pemilihan produk untuk dibeli, paparan profil penjual serta kontrak digital dipaparkan dan dibincangkan dengan teliti.




Rajah 2 Antara muka daftar akaun

Rajah 2 menunjukkan antara muka pendaftaran akaun baru pengguna di mana pengguna boleh memilih untuk mendaftar sebagai pembeli ataupun penjual. Selepas mendaftar akaun, pengguna seterusnya dapat menggunakan akaun yang telah didaftarkan bagi mendaftar masuk ke dalam aplikasi seterusnya menggunakan fungsi yang tersedia di dalam aplikasi.




Rajah 3 Antara muka daftar masuk pembeli

Rajah 3 melihatkan antara muka daftar masuk pembeli untuk mendaftar masuk menggunakan maklumat yang telah didaftarkan. Maklumat daftar masuk yang ditaip akan melalui pemeriksaan di pangkalan data dan sekiranya maklumat tersebut disimpan di pangkalan data, pengguna dapat mendaftar masuk berdasarkan peranan sebagai pembeli atau penjual.




Rajah 4 Antara muka muat naik produk

Rajah 4 menunjukkan fungsi yang disediakan kepada penjual di mana produk baru dapat dimuat naik ke dalam senarai jualan. Maklumat produk perlu diisi seperti nama, kategori, harga dan seterusnya oleh penjual. Harga produk pula perlu kurang daripada nilai RM 5000 agar prosedur mahkamah dapat dijalankan tanpa kehadiran peguam dan memudahkan urusan penuntutan wang jika berlaku sebarang penipuan (Osman Affandi 2017). Produk yang dimuat naik turut dapat dikemas kini oleh penjual.



Rajah 5 Antara muka paparan produk

Rajah 5 menunjukkan paparan antara muka produk yang terdapat untuk dibeli oleh pembeli. Pembeli boleh menekan ruang pada kad produk bagi melihatkan maklumat lanjut produk berserta nama dan gambar penjual. Pembeli seterusnya boleh menambah produk ke dalam senarai ingin dibeli sebelum menghantar pesanan tersebut kepada penjual. Sekiranya pembeli menekan nama penjual atau nama kedai, maklumat lanjut penjual akan dipaparkan berserta bintang penilaian penjual.



Rajah 6 Antara muka paparan profil penjual

Rajah 6 menunjukkan paparan profil penjual. Pembeli dapat menghubungi penjual melalui aplikasi *Whatsapp* ataupun emel. Bintang penilaian pula melihatkan penilaian lepas daripada pembeli yang pernah berurusan dengan penjual. Penilaian ini menggunakan pengiraan berat purata. Pengiraan berat purata merupakan cara pengiraan yang sering digunakan bagi menilai kredibiliti dan kualiti seseorang (Will Kenton 2019).



Rajah 7 Antara muka kontrak digital

Rajah 7 menunjukkan fungsi utama aplikasi iaitu kontrak digital. Pesanan yang telah dihantar oleh pembeli seterusnya akan dipaparkan dalam bentuk kontrak berserta maklumat lengkap pembelian seperti nama produk, harga, cara pembelian, nama pembeli, penjual dan sebagainya. Kontrak digital ini seterusnya akan disahkan oleh pembeli dan penjual seterusnya meneruskan urusan pembayaran. Kontrak jual beli yang telah selesai dapat dilihat di halaman sejarah kontrak bagi urusan waranti pada masa akan datang.

6 KESIMPULAN

Secara ringkasnya, aplikasi *AppGree* telah memenuhi keperluan fungsian pengguna serta mencapai objektif pembangunan. Penggunaan metodologi *Agile* membuatkan proses penghasilan aplikasi berjalan dengan lancar di mana pengujian aplikasi dijalankan setiap kali fungsi aplikasi selesai dihasilkan. Sebarang ralat yang ditemui seterusnya akan menjalani semula fasa pembangunan bagi menghasilkan fungsi yang memenuhi keperluan fungsian pengguna.

Penggunaan kontrak digital ini diharap dapat merancakkan lagi ekonomi rakyat terutamanya peniaga kecil untuk menarik minat pembeli memandangkan keselamatan pembeli dapat dijamin melalui kontrak digital yang lengkap dengan maklumat jual beli yang dijalankan. Hal ini secara tidak langsung akan mengurangkan peluang untuk penipu untuk memperdaya pembeli memandangkan maklumat penjual telah direkodkan dan disimpan di pangkalan data.

7 RUJUKAN

- Fareez Azman, Astro Awani, 2020. “556 laporan polis, RM4.2 juta kerugian dicatatkan berhubung penipuan jualan topeng muka”. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/556-laporan-polis-rm42-juta-kerugian-dicatat-berhubung-penipuan-jualan-topeng-muka-236764> [9 Oktober 2020]
- Isaac Sacolick, 2020. “What is *Agile* methodology? Modern software development explained”. <https://www.infoworld.com/article/3237508/what-is-Agile-methodology-modern-software-development-explained.html> [9 Oktober 2020]
- Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. <https://www.kpdnhep.gov.my/ms/kepenggunaan/hak-pengguna/perindungan-pengguna.html> [3 November 2020]
- Mohd Fahmy Abdullah, 2020. [astroawani.com/berita-malaysia/rakyat-digalakkan-berbelanja-bagi-merangsang-ekonomi-tempatan-235708](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rakyat-digalakkan-berbelanja-bagi-merangsang-ekonomi-tempatan-235708) [3 November 2020]
- Muhammad Fathi Bin Yusof, 2016. “Undang Undang Kontrak di Malaysia”. <https://people.utm.my/fathi/wp-content/blogs.dir/561/files/2016/09/E-Book-Fathi-Yusof-Soal-Jawab-Undang-undang-Kontrak-1.pdf> [9 Oktober 2020]
- Osman Affandi, 2017. Ini Caranya Menuntut Hutang Bawah RM5000 Melalui Sistem Undang-undang. <https://iluminasi.com/bm/ini-caranya-menuntut-hutang-bawah-rm5000-melalui-sistem-undang-undang.html> [9 Oktober 2020]
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2006. <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20137.pdf> [2 November 2020]
- Will Kenton, 2019. Weighted Average Rating Factor (WARF). <https://www.investopedia.com/terms/w/warf.asp> [10 September 2019]